



Usaha hapus minoriti Islam

Rancangan jahat menghapuskan orang Islam di Republik Afrika Tengah menyebabkan krisis kemanusiaan semakin meruncing sejak awal tahun lalu.

Kira-kira 1.4 juta penduduk minoriti Islam menjadi sasaran keganasan kumpulan militia Kristian yang menggelar diri mereka sebagai anti-Balaka.


Penasihat kanan *Amnesty International*, Joanne Mariner berkata, militia anti-Balaka melancarkan kempen pembersihan orang Islam secara besar-besaran di negara terbabit dan menyelar kumpulan pengaman antarabangsa kerana gagal menghalang perbuatan itu.

APAKAH PENGHAPUSAN ETNIK?

- Penyingkiran secara sistematik menyasarkan kumpulan etnik atau agama dari sebuah kawasan bertujuan mewujudkan negara didiami penduduk homogen. Tindakan pembersihan etnik itu boleh dilakukan dalam pelbagai cara seperti ugutan, pengusiran secara paksa dan pembunuhan beramai-ramai.
- Ia biasanya disertai dengan usaha untuk menghapuskan bukti fizikal dan budaya kumpulan yang menjadi mangsa kekejaman tersebut.

KONFLIK ETNIK DI REPU

Situasi keselamatan semakin meruncing menyebabkan k... manakala lebih 2.5 juta pemerlu



"Walaupun terdapat kira-kira 1,600 askar Perancis ditempatkan di negara bergolak itu bersama 6,000 anggota pasukan pengaman Kesatuan Afrika (Misca), mereka masih gagal menghentikan pertelagahan antara kedua-dua puak tersebut," tegasnya.

Difahami, insiden keganasan etnik pada kali ini adalah paling buruk sejak bekas Presiden Michel Djotodia meletak jawatan pada 10 Januari lalu.

Selain itu, ada pihak mendakwa, faktor utama menyebabkan keganasan etnik itu kerana negara Barat dan sekutunya tidak senang dengan perkembangan Islam di negara tersebut.

PENGUSIRAN SECARA PAKSA

Kumpulan hak asasi manusia (HRW) menyatakan, serangan ke atas penduduk Islam sememangnya sudah dapat dijangka.

Menurut laporan *Amnesty*, lebih 100 penduduk di barat dan utara negara itu menjadi saksi kekejaman ke atas orang Islam selepas kumpulan pelampau Kristian tersebut meneruskan rancangan menghapuskan dan mengusir orang Islam secara paksa dari negara itu.

Keganasan paling teruk direkodkan adalah di bandar utara Bossemptele, di mana sekurang-kurangnya 100 orang termasuk warga emas dan seorang imam lingkungan 70-an dibunuh, Januari lalu.

Selain itu, beberapa bandar lain seperti Bouali, Boyali dan Baoro turut menjadi sasaran serangan militia anti-Blaka sejak akhir tahun lalu.

Keganasan itu menyebabkan banyak pihak mula khuatir jika insiden pembunuhan beramai-ramai seperti di Rwanda hampir 20 tahun lalu kembali berulang.

BENCANA KEMANUSIAAN TERBURUK

Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian (UNHCR), Antonio Guterres memberitahu, beliau telah menyaksikan bencana kemanusiaan terburuk dan sentimen anti-Islam di Republik Afrika Tengah.

Menurutnya lagi, sebahagian daripada penduduk Islam masih terperangkap di dalam negara itu akibat tindakan pengepungan kumpulan militia anti-Balaka.

Sementara itu, Pengarah Kecemasan HRW, Peter Bouckaert memaklumkan etnik minoriti tersebut turut berhadapan ancaman bunuh.

"Sebelum konflik itu tercetus, populasi orang Islam mencecah sehingga 30,000 orang. Namun, kini jumlahnya kurang daripada 500 orang selain tujuh daripada lapan masjid dimusnahkan sewenang-wenangnya," jelasnya lagi.

Negara berkeluasan 623,000 kilometer persegi ini didiami kira-kira lima juta penduduk. Sejak lima dekad lalu, Republik Afrika Tengah berada di bawah pemerintahan kuku besi selepas mendapat kemerdekaan dari Perancis pada 1960. Ia turut disenaraikan sebagai negara termiskin di dunia walaupun kaya dengan emas, kayu balak, berlian dan uranium. Penduduk Islam minoriti di negara itu hanya 15 peratus atau 750,000 orang namun, mereka mampu menguasai bidang ekonomi dan perdagangan.

BAGAIMANA KEKACAUAN TERCETUS?

Gabungan kumpulan Islam, Seleka pimpinan Michel Djotodia menggulingkan bekas Presiden Francois Bozize dalam rampasan kuasa, Mac tahun lalu. Beberapa bulan sebelum itu, kedua-dua pihak bersetuju menubuhkan kerajaan perpaduan yang akan dipimpin oleh beliau. Bagaimanapun, perjanjian damai tersebut gagal dilaksanakan selepas kumpulan Seleka semakin mara dan menawan beberapa bandar



**80 PERATUS
PELARIAN DI
DUNIA ADALAH
ORANG ISLAM**

termasuk ibu negara. Ketegangan yang memuncak menyebabkan Bozize terpaksa melarikan diri ke Cameroon. Difahami, beliau pernah mengetuai rampasan kuasa, kira-kira 10 tahun lalu dan memenangi pilihan raya pada 2005 serta 2011.

APA BERLAKU SELEPAS BOZIZE DIGULINGKAN?

Negara itu menjadi huru-hara akibat krisis politik. Menurut laporan

UBLIK AFRIKA TENGAH

kira-kira satu juta penduduk kehilangan tempat tinggal
erlukan bantuan kemanusiaan



Kempen genosid

BOSNIA

Sebanyak 70 peratus daripada kira-kira 100,000 penduduk terkorban dalam Perang Bosnia-Herzegovina adalah orang Islam. Selain itu, kira-kira 8,000 penduduk Islam termasuk kanak-kanak menjadi korban pembunuhan beramai-ramai di Srebrenica. Pembunuhan itu adalah sebahagian daripada proses pembersihan etnik didalangi kumpulan nasionalis Serb untuk membentuk negara Serbia di Bosnia dengan menghapuskan penduduk Islam dan Croatia pada 1992 hingga 1995.

RWANDA

Dianggarkan 800,000 orang Islam Tutsis dibunuh secara terancang oleh militia Kristian, kaum Hutu pada 1994 dalam insiden penghapusan etnik di Rwanda. Bagaimanapun, jumlah penduduk memeluk agama Islam di negara itu semakin meningkat selepas kejadian tersebut berikutan kebanyakan daripada mereka mula hilang kepercayaan dengan pemimpin Katolik dan Protestan yang dipercayai bersekongkol dalam penghapusan etnik terbabit.

PALESTIN




Israel melancarkan ratusan kempen pembersihan etnik Islam dengan tujuan utama untuk mengusir penduduk Palestin keluar dari wilayah itu sejak lebih enam dekad lalu. Ketika 'penubuhan' Israel pada 1948 turut menyaksikan ratusan ribu penduduk Palestin diusir keluar. Selain itu, dianggarkan lebih 120,000 penduduk Palestin terkorban sejak pendudukan Israel di wilayah itu, kira-kira 66 tahun lalu.

SRI LANKA

Penderitaan kira-kira 1.4 juta penduduk Islam di Sri Lanka pada awal 1990 hingga 1991 tidak didedahkan kepada umum kerana media tempatan hanya memberi fokus kepada penduduk Tamil dan Sinhala yang menjadi pelarian akibat perang saudara lebih 25 tahun di negara tersebut. Gerila Harimau Tamil Eelam (LTTE) melancarkan serangan kejam secara berterusan hingga menyebabkan puluhan ribu orang Islam diusir secara paksa manakala ribuan dibunuh. Penindasan ke atas etnik minoriti di negara itu kembali tercetus pada 2012 walaupun kumpulan gerila tersebut ditewaskan tentera pada 2009. Dalam insiden keganasan etnik terbaru Ogos lalu, sekumpulan pelampau Buddha dari etnik Sinhalese bertindak menyerang masjid dan jemaah yang sedang menunaikan solat hingga menyebabkan sebahagian daripada mereka cedera.

MYANMAR

Krisis keganasan kaum di Myanmar sejak pertengahan 2012 menyasarkan etnik Rohingya di negeri Rakhine. Pelampau Buddha di barat negara itu bertindak melancarkan beberapa siri serangan untuk menghapuskan etnik minoriti terbabit dan turut membakar masjid dan rumah mereka. Lebih 200 dilaporkan dibunuh manakala kira-kira 140,000 kehilangan tempat tinggal. Sejak 1982, seramai 800,000 penduduk Rohingya dinafikan hak kerakyatan, berkeluarga dan pendidikan oleh kerajaan yang didakwa turut berkomplot dalam kempen pembersihan etnik di Myanmar.

-  Insiden keganasan
-  Pergerakan pelarian
-  Kawasan konflik memuncak



Republik Afrika Tengah. Susulan daripada pengunduran Djotodia, bekas Datuk Bandar Bangui, Catherine Samba-Panza menjadi wanita pertama dilantik sebagai presiden sementara pada 23 Januari lalu.

BERAPAKAH JUMLAH KORBAN KEGANASAN ETNIK TERSEBUT?

Kaki tangan Palang Merah Antarabangsa melaporkan, lebih seribu mayat ditemui bergelimpangan di sekitar ibu negara sejak 5 Disember lalu. Selain itu, kira-kira 133 kanak-kanak dibunuh sejak dua bulan lalu dan sebahagian daripadanya turut dipancung dan anggota tubuh mereka dikudungkan.

BAGAIMANA NASIB PENDUDUK ISLAM?

Mereka terpaksa mendapatkan perlindungan di negara jiran dan beberapa lokasi di seluruh negara termasuk lapangan terbang di Bangui. Jumlah pelarian semakin meningkat dikhuatiri menyebabkan bencana kemanusiaan terburuk kerana bekalan makanan dan ubat-ubatan semakin berkurangan akibat sekatan daripada kumpulan militia, anti-Balaka. Kebanyakan pelarian juga jatuh sakit dan mengalami trauma.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), lebih 400,000 orang kehilangan tempat tinggal dalam tempoh beberapa bulan. Bagaimanapun, konflik semakin meningkat selepas kebangkitan kumpulan anti-Balaka yang melancarkan kempen penghapusan etnik Islam hingga menyebabkan pasukan pengaman antarabangsa terpaksa campur tangan. Pada 10 Januari lalu, Djotodia akhirnya meletak jawatan, selepas banyak pihak mempertikaikan kredibiliti beliau kerana gagal menamatkan pertumpahan di



Mengembara 100km cari perlindungan

SELEPAS menyaksikan ibu bapanya dibunuh dengan kejam, kanak-kanak ini bertindak melarikan diri dan meredah kawasan gurun sejauh 100 kilometer untuk mencari perlindungan.

Ibrahim Adamou, 7, ditemui lemah dan berkaki ayam ketika diselamatkan penduduk.

Budak itu dibawa ke kem penempatan sementara yang turut memberi perlindungan kepada 800 orang Islam senasib dengannya.

"Saya tidur di bawah pokok pisang dan terpaksa berlapar beberapa hari.

"Saya nyaris dibunuh anggota kumpulan anti-Balaka, namun saya tidak diapa-apakan kerana dilindungi ALLAH SWT," katanya.

Terdapat enam atau lebih kisah budak seperti Ibrahim yang terpaksa melalui pengalaman sedih akibat kekejaman sedang bermaharajalela di Republik Afrika Tengah.

Tetapi, negara antarabangsa seakan tidak ambil peduli dengan kempen penghapusan etnik Islam yang semakin meningkat di rantau terbabit.